

INOVASI DAN INTEGRITI CORAK TRANSFORMASI MASA DEPAN NEGARA MAJU

Marcapada dunia hari ini menyaksikan dunia kini kian bersaing kearah dunia maju dan berkehadapan seiring dengan dunia-dunia maju yang lain. Dalam usaha mengorak langkah kearah negara maju, pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan bagi menyediakan pelbagai kelengkapan, kemudahan serta memanfaatkan kemajuan yang ada, demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat dalam menghadapi cabaran dunia yang mendatang. Salah satu usaha kerajaan Malaysia yang telah dilaksanakan ialah dengan “Penyesuaian Layar” bagi sejumlah program yang berimpak tinggi yang telah dilaksanakan dibawah bidang institusi yang ditubuhkan, bagi memastikan negara terus berdaya saing dan relevan dalam persekitaran ekonomi yang terus berubah dari semasa ke semasa menurut laporan dari Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Tumpuan telah diberikan oleh kerajaan terhadap ekonomi yang inovatif dan berasaskan pengetahuan bagi memastikan negara terus maju diombak persaingan negara-negara maju dan juga persaingan dengan negara-negara jiran serantau Asia.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan caranya yang tersendiri perlu didasari melalui empat prinsip utama iaitu penyampaian berteraskan kreativiti dan inovasi, penekanan kepada kepantasan membuat keputusan bertindak, penyampain berteraskan nilai untuk wang dan juga memartabatkan nilai integriti yang tinggi (Unit Perancangan Ekonomi, 2010).

Inovasi merujuk kepada idea-idea yang bernas dalam sesebuah organisasi dalam usaha mempertingkatkan system penyampaian perkhidmatan sektor awam yang lebih berinovasi (Zarina Ismail, 2013). Inovasi yang disampai melalui idea-idea yang bernas akan menjadikan negara terus kehadapan dan dipandang tinggi kerana perubahan yang berlaku dan bersifat positif akan menjadikan negara kita sebagai contoh ikutan bagi negara-negara lain untuk mempraktikan inovasi yang disumbangkan.

Berdasarkan Laporan dari Agensi Inovasi Malaysia (AIM) (2012), mantan Perdana Menteri Malaysia ke-6, YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin Razak dalam ucapannya menyatakan bahawa:-

“Untuk menjadi bangsa yang inovatif, kita memerlukan mental transformasi dalam sektor kerajaan, industri dan juga pendidikan. Kesemua ini akan membentuk sikap generasi masa depan negara kita. Inilah misi kita”

Oleh itu, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) (2012) meletakkan dua objektif yang jelas bagi menyediakan asas yang menjadi rangka untuk tindakan negara yang berinovasi iaitu:-

- I. Untuk mewujudkan kesejahteraan masyarakat melalui pemupukan eko-sistem yang berinovasi.
- II. Untuk memacu agenda inovasi nasional bagi menjana kekayaan gelombang baharu.

Selain itu, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) (2012) juga turut menyediakan enam langkah kearah negara berinovasi iaitu:-

- I. Memupuk budaya berfikir
- II. Menjana masyarakat yang berinovasi
- III. Memudahkan sektor industri- Kolaborasi akademia
- IV. Transformasi sektor strategik
- V. Inovasi dalam organisasi
- VI. Memangkin sektor komersial

Inovasi di Malaysia telah menerapkan asas pendekatan yang melibatkan kerjasama erat dengan kementerian, universiti, institusi penyelidikan yang berkaitan, agensi pembiayaan inovasi awam, pasaran modal perantara, firma swasta, persatuan industri, dan badan bukan kerajaan. Malaysia juga mengamalkan amalan yang terbaik dan menjadikan pengalaman negara lain agar dapat disesuaikan dengan konteks negara ini bagi memastikan ianya relevan dengan persekitaran institusi negara, peraturan, dasar, pasaran dan tahap pembangunan sosio-ekonomi.

Selain itu juga, dalam usaha mengorak langkah negara kearah yang berinovatif, negara Malaysia juga turut mementingkan soal integriti sebagai keselarasan diantara tindakan dan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan diantara kepentingan umum dan kepentingan diri sendiri.

Soal integriti merupakan salah satu elemen yang diambil berat dalam Islam sepertimana yang dinyatakan didalam Surah Ali-Imran ayat 110:-

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk faedah manusia dengan menyuruh mengerjakan yang benar dan melarang melakukan yang salah, serta beriman kepada Allah”

(Al Quran 3:110)

Menurut Megat Ayop Megat Arifin & Abd Halim Ahmad (2016), Integriti merupakan sesuatu yang amat penting dalam organisasi perkhidmatan awam sebagai wakil kerajaan yang sentiasa berurusan secara langsung terhadap masyarakat. Hal ini juga, secara tidak langsung mengandungi ketetapan-ketetapan tingkah perilaku dan nilai murni yang perlu dipatuhi oleh organisasi tersebut dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Apabila menyebut soal perilaku dan nilai murni, hal ini dikaitkan dengan nilai etika dan moral yang menjadi tanda aras pertimbangan yang amat penting dalam sesebuah organisasi atau individu yang terlibat dengan organisasi tersebut.

Melalui integriti yang diamalkan dalam sesebuah organisasi merupakan kayu ukur sosial bagi sesebuah organisasi yang berperanan sebagai penunjuk aras kepada tahap keberkesanan, kecekapan, dan kebolehpercayaan organisasi tersebut melalui persepsi masyarakat terhadapnya.

Berdasarkan petikan ucapan mantan Ketua Setiausaha Negara Malaysia (KSN) didalam laporan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) (2018) mengarisikan bahawa:-

“Sinergi bersama melalui penerapan budaya dan nilai-nilai murni secara berterusan dan bersederhana dalam segala hal akan menyumbang kepada sifat integriti yang dimahukan selaras dengan perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan yang berkesan secara kolektif. Hal ini secara tidak langsung akan menjadikan integriti bertambah mantap dan perlu dilakukan dengan sistematik, komitmen yang tinggi dan penuh keikhlasan supaya melahirkan penjawat awam yang mempunyai integriti kelas pertama”

(Datuk Seri Dr Ismail Haji Bakar, 2018)

Menurut Nur Fatimah Abdullah (2009), Budaya kerja dalam sesebuah organisasi yang diamalkan, merupakan suatu tradisi dan nilai yang perlu dipegang oleh setiap pegawai dan kakitangan sesebuah organisasi sebagai penggerak kepada kejayaan sesebuah organisasi tersebut. Selain itu, hubungan pekerja dengan majikan terutamanya dalam konteks berkaitan dengan bimbingan, sokongan dan keterbukaan mempengaruhi ciri-ciri seseorang individu untuk mewujudkan elemen professionalisme dalam konteks kerja di Malaysia.

Kewujudan idea inovasi yang kehadapan tanpa disusuli dengan nilai integriti yang perlu diamalkan dalam sesebuah organisasi khususnya sektor awam akan menyebabkan ketempangan berlaku. Hal ini dijelaskan didalam buku Citra Karya (Falsafah, Nilai & Etika dalam Perkhidmatan Awam), (1994) yang membicarakan tentang soal kecemerlangan dalam pembangunan sosio-ekonomi dapat dilaksanakan oleh mana-mana negara yang mempunyai teknologi canggih, namun jika kualiti sumber manusianya tidak digilap melalui amalan nilai dan moral etika yang baik, lambat laun tamadun yang telah dibangunkan itu akan hancur-lebur dihakis oleh perlakuan atau tindakan-tindakan yang cuba untuk meruntuhkannya. Bagi menjamin kejayaan yang cemerlang kearah perkhidmatan awam yang lebih unggul sama ada diperingkat individu, masyarakat, organisai, bangsa mahupun negara perlu mempunyai hubungkait antara kecemerlangan dengan moral etika yang baik ataupun dikenali sebagai nilai integriti.

Selain itu juga, kualiti manusia yang mengamalkan etika yang berlandaskan nilai-nilai yang baik seperti disiplin, rajin, tekun, amanah, berpandangan jauh, sedia menghadapi sebarang rintangan atau risiko merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kearah pencapaian tahap pembangunan ekonomi yang pesat. Peribahasa cina ada menyatakan bahawa:-

“If you want one year of success, grow grains, if you want two years of success, grow trees and if you want hundred years of prosperity, grow men”

Oleh itu, bagi memastikan negara mencapai transformasi negara maju, Inovasi dan integriti perlu bergerak seiring bagi memastikan kestabilan pembangunan negara akan terus dicapai bagi jangka masa yang panjang dan lebih bekualiti.

(1024 patah perkataan)

MUHAMMAD FARIS BIN ABD RASID (930121-08-0749)

RUJUKAN

- 1) Agensi Inovasi Malaysia, (2012), *“National Innovation Strategy: Innovating Malaysia, Creating Wealth Through Knowledge, Technology and innovation”*, Federal Government Administrative Centre, Putrajaya.
- 2) Unit Perancangan Ekonomi. (2010), Rancangan Malaysia Ke-10 2011-2015. *“Mentrasformasikan Kerajaan Kearah Mentrasformasikan Malaysia”* (pp. 330-367). Putrajaya:UPE, JPM.
- 3) Zarina Ismail, (2013), *“Kesan Langsung Prinsip Transformasi Perkhidmatan Ke Atas Kualiti Perkhidmatan Di Sektor Awam”*, School of Business Management, Universiti Utara Malaysia (UUM).
- 4) Megat Ayop Megat Arifin & Abd Halim Ahmad, (2016). *“Konsep integriti dalam Organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM): Satu tinjauan awal”*, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah Darul Aman.
- 5) Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), (2018). *“Laporan Tahunan 2018”*, Institut Integriti Malaysia, Menara INTEGRITI, Kuala Lumpur.
- 6) Nur Fatimah Abdullah, (2009). *“Budaya Kerja Dan Kaitannya Dengan Profesionalisme Pengamal Kerja Belia”*, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia (UPM).
- 7) Citra Karya, (1994). *“Falsafah, Nilai & Etika dalam Perkhidmatan Awam”*, Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur, Malaysia.